

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Tingkat 9-14, Bangunan U.M.B.C.
Jalan Sulaiman,
Kuala Lumpur.

18hb. Julai, 1972

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.15 TAHUN 1973

Penyata Suku Tahun mengenai Kedudukan Pengisian Jawatan dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Persekutuan

Saya diarah menarik perhatian tuan kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1972](#) yang menghendaki semua Jabatan-jabatan Persekutuan menyampaikan Penyata Bulanan mengenai kedudukan kepegawaian masing-masing (tidak termasuk Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar).

2. Adalah difikirkan bahawa maklumat yang diminta itu perlu diperluaskan supaya meliputi angka-angka mengenai kepegawaian dalam Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar dan juga memberikan butiran lengkap mengenai pengisian/kekosongan jawatan bagi tiap-tiap perkhidmatan. Satu borang untuk mendapatkan maklumat-maklumat tersebut telah disediakan seperti yang dilampirkan bersama-sama Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.
3. Mulai daripada bulan September, 1973 Ketua-Ketua Kementerian/Jabatan tidak lagi dikehendaki menyampaikan Penyata Bulanan Kepegawaian menurut [Surat Pekeliling Bil.10 Tahun 1972](#). Sebagai gantinya, semua Kementerian /Jabatan/ Pentadbiran berkenaan adalah diminta menyampaikan "Penyata Suku Tahun mengenai Kedudukan Pengisian Jawatan Dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Persekutuan". Untuk maksud ini, borang seperti yang telah disediakan itu hendaklah digunakan.
4. Panduan untuk menyediakan Penyata Suku Tahun ini dapat dilihat di [kembaran 'A'](#) kepada borang tersebut. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab hendaklah meneliti dan menurut panduan yang disediakan itu pada tiap-tiap kali menyediakan Penyata Kementerian/Jabatan masing-masing.
5. Penyata tersebut hendaklah disampaikan ke Jabatan ini dalam 3 salinan tidak lewat dari 3 minggu selepas tarikh akhir bagi tiap-tiap suku tahun atau tidak lewat dari tarikh-tarikh berikut, 21hb April, 21hb Jun, 21hb Oktober dan 21hb. Januari, tiap-tiap tahun.
6. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan adalah diingatkan bahawa penyata-penyata yang dikemukakan hendaklah meliputi maklumat-maklumat mengenai kedudukan kepegawaian di semua Bahagian, Cawangan dan Pejabat di bawah tadbiran masing-masing. Supaya Ketua-ketua Setiausaha Kementerian mengetahui kedudukan kepegawaian bagi tiap-tiap Jabatan di bawah kelolaannya maka Ketua-ketua Jabatan hendaklah menghantar penyata-penyata yang dikehendaki itu kepada Ketua-ketua Setiausaha Kementerian masing-masing yang akan menyampaikan ke Jabatan ini dalam tempoh yang ditetapkan.
7. Dalam hal ini kerjasama daripada pehak Pentadbiran Negeri berkenaan adalah juga diminta untuk memberi maklumat mengenai kedudukan kepegawaian bagi jawatan-jawatan di Jabatan/Pejabat Negeri yang perlu diisi oleh pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Persekutuan. Cara menyampaikan maklumat berkenaan adalah sama seperti yang dikehendaki daripada Kementerian/Jabatan-Jabatan Persekutuan. Maklumat mengenai kedudukan pengisian jawatan

dalam Perkhidmatan Negeri tidaklah perlu disampaikan.

8. Semua Kementerian/Jabatan/Pentadbiran adalah diminta memberi keutamaan bagi melengkapkan maklumat-maklumat kakitangan sebagaimana yang dikehendaki. Kerjasama daripada semua pihak sangat-sangatlah dihargai.

9. [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.10 Tahun 1972](#) adalah dibatalkan mulai 1hb. September, 1973.

Saya yang menurut perintah,

(SYED ALWI BIN SYED NORDIN)
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-Ketua Jabatan.

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan.

(II) Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas: <u>Seperti:</u> (1) Perkhidmatan Jurupulih Anggota (2) Lain-lain Perkhidmatan							
Jumlah							
(III) Kumpulan Perkeranian dan Teknik: <u>Seperti:</u> (1) Perkhidmatan Kerani Am (2) Perkhidmatan Jururawat Kesihatan							
Jumlah							
(IV) Kumpulan Perkhidma- tan Rendah dan Buruh Kasar (Tidak perlu dipecahkan mengikut Sekim Perkhidmatan)							

Tarikh:

Tandatangan (.....)

Nama:

Catatan: Tarikh suku tahun yang ditetapkan:

(a) 31hb Mac

(c) 30hb September

(b) 30hb Jun

(d) 31hb Disember

Kenyataan hendaklah disampaikan ke Jabatan Perkhidmatan Awam dalam masa 3 minggu selepas tarikh akhir bagi suku tahun berkenaan

Ketua Kementerian/Jabatan

Panduan untuk mengisi Borang Penyata Suku Tahun mengenai Pengisian Jawatan dalam Perkhidmatan Persekutuan

- (1) Butiran-butiran yang diberi hendaklah menjelaskan kedudukan pada tarikh akhir tiap-tiap Suku Tahun, iaitu :-
 - (a) 31 hb Mac
 - (b) 30hb Jun
 - (c) 30hb September
 - (d) 30hb Disember
- (2) Bagi ruangan (2) nama tiap-tiap Sekim Perkhidmatan Persekutuan yang ada dalam Kementerian/Jabatan atau di bawah Pentadbiran Negeri seperti contoh yang ditunjukkan dalam Borang tersebut hendaklah dimasukkan. Hanya perangkaan bagi Kumpulan (I) , (II) dan (III) sahaja yang perlu diberi secara detel mengikut Sekim Perkhidmatan. Perangkaan bagi jawatan-jawatan di bawah Kumpulan (IV), iaitu Kumpulan Perkhidmatan Rendah dan Buruh Kasar tidaklah perlu dipecahkan mengikut Sekim Perkhidmatan. Memadailah dengan memberikan jumlah pada keseluruhannya.
- (3) Ruangan (3) hendaklah menunjukkan bilangan jawatan bagi tiap-tiap perkhidmatan menurut senarai yang terdapat dalam Buku Anggaran bagi tahun berkenaan.
- (4) Semua jawatan baru yang diwujudkan atau dimansuhkan melalui waran-waran perjawatan hendaklah dimasukkan dalam ruangan 4(a) dan 4 (b) di mana berkenaan.
- (5) Ruangan (5) hendaklah menunjukkan jumlah jawatan bagi tiap-tiap perkhidmatan yang telah diwujudkan sehingga tarikh penghujung bagi Suku Tahun berkenaan.
- (6) Ruangan (6) hendaklah mengandungi angka-angka menunjukkan bilangan jawatan yang telah diisi, tidak kira sama ada jawatan-jawatan berkenaan diisi secara tetap, kontrak atau sementara.
- (7) Angka dan peratus yang dikehendaki diruangan (7) dan (8) hendaklah menunjukkan kedudukan kekosongan yang sebenarnya berlaku. Jawatan-jawatan yang diisi secara pemangkuan penuh masa tidaklah dianggap kosong.
- (8) Ulasan-ulasan yang diperlukan di ruangan (9) hendaklah menunjukkan sebab-sebab berlakunya kadar kekosongan jawatan yang tinggi (biasanya jika melebihi 5% bagi satu-satu perkhidmatan) serta langkah-langkah positif yang telah diambil atau diperakukan bagi mengatasi masalah-masalah berkenaan.
- (9) Angka-angka yang menunjukkan jumlah jawatan yang ujud, jawatan diisi dan kekosongan jawatan hendaklah juga diberikan di bawah tiap-tiap Kumpulan Perkhidmatan.
- (10) Tiap-tiap Penyata hendaklah disampaikan ke Jabatan Perkhidmatan Awam dalam masa 3 minggu selepas tarikh akhir bagi Suku Tahun berkenaan.